

NAMA :

TINGKATAN :



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PELAJARAN KELANTAN**

**MODUL LATIH TUBI
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2013
TASAWWUR ISLAM
KERTAS 1
SET 4
1 ¼ jam**

5226/1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab **semua** bahagian.
3. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 9 dalam kertas soalan ini.
4. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah di tulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
5. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B.**

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 - 20	20	
B	21 - 40	20	
Jumlah		40	

BAHAGIAN A
(20 MARKAH)

1. Keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa hanya Allah SWT yang Maha Esa dan layak disembah serta ditaati segala perintahNya
Kenyataan diatas menerangkan tentang pengertian

- A Waqiiyah
- B Uluhiyyah
- C Alamiyyah
- D Rububiyyah

2. Fitrah beragama ialah naluri semula jadi _____

- A menyayangi Allah s.w.t.
- B mengaku adanya Allah s.w.t.
- C beribadah kepada Allah s.w.t.
- D menolak kewujudan Allah s.w.t.

3. Manakah kenyataan dibawah yang menerangkan perbezaan antara orang yang beragama dengan tidak beragama

	Orang beragama	Orang tidak beragama
A	Sentiasa reda dengan ketentuan Allah SWT	Berasa keluh kesah dan kecewa dengan musibah yang menimpa
B	Memiliki jiwa yang mantap	Mudah terpengaruh dengan gejala sosial
C	Sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah	Melakukan sesuatu untuk kepentingan diri
D	Memiliki kesempurnaan akhlak	Ingkar dengan ketentuan Allah SWT

4. Berikut merupakan peranan agama dalam membina tamadun kecuali

- A Menuntut penganutnya beramal dan berusaha memajukan bangsa dan negara
- B Mewajibkan umatnya bekerja dengan bersungguh-sungguh
- C Menuntut umatnya berfikir secara kreatif dan inovatif
- D Mewajibkan umatnya mempertahankan negara

5. Antara berikut yang manakah perbuatan yang bersesuaian dengan kehendak syarak

- A Menyambut hari lahir dengan meniup lilin
- B Mengadakan upacara mandi bunga bagi membuang sial
- C Menyerahkan kad ucapan sempena meraikan hari kekasih
- D Membenarkan penganut yang berlainan agama membina rumah ibadat mereka

- 6 Perkara luarbiasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran ajaran yang dibawa baginda.
Pernyataan diatas merujuk kepada
- A Mukjizat
 - B Karamah
 - C Maunah
 - D Irhas
- 7 Antara hikmah beriman dengan perkara ghaib ialah
- A Menjadikan seseorang itu taat dan patuh kepada perintah Allah SWT
 - B Menjadikan seseorang itu malas untuk bekerja
 - C Supaya manusia takut dengan perkara ghaib
 - D Supaya manusia sentiasa berhati-hati
- 8 Pengertian memelihara alam ialah
- A Mengawal daripada pencemaran
 - B Menjaga alam daripada kerosakkan
 - C Memulihkan alam yang telah tercemar
 - D Melindungi dan membela alam dengan baik
- 9 Maksud azali ialah merujuk kepada
- A Ilmu Allah SWT yang hakiki, qadim, kekal dan mutlak
 - B Kekuasaan Allah SWT yang tiada tolak bandingnya
 - C Sifat wajib bagi Allah SWT
 - D Asma husna Allah SWT
- 10 Penurunan kitab suci al-Quran mengambil tempoh masa selama _____
- A 21 tahun
 - B 23 tahun
 - C 25 tahun
 - D 27 tahun
- 11 Antara perbuatan manusia yang dilarang oleh Allah s.w.t. ialah
- i mengambil harta orang lain tanpa kebenaran
 - ii membawa telefon bimbit ke sekolah
 - iii menindik telinga bagi perempuan
 - iv membuang bayi yang baru lahir
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv

12. Antara berikut yang manakah cara untuk menangani ancaman budaya asing?.
- i Mendalami ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang
 - ii Menonton filem-filem luar negara yang canggih
 - iii Memperkukuhkan akidah dan keimanan
 - iv Menjauhi amalan-amalan negatif

- A i , ii dan iii
- B i , ii dan iii
- C i , iii dan iv
- D ii , iii dan iv

13. Maksud negara Islam ialah:

- A Negara yang diketuai oleh pemimpin Islam.
- B Negara bersumberkan al-Quran dan Hadis.
- C Negara yang bersumberkan hukum alam.
- D Negara yang bersumberkan hukum akal.

14. Berikut adalah prinsip-prinsip pemerintahan Islam **kecuali**.

- A Al-Syura
- B Al-Adalah
- C Al-Hadiah
- D Al-Huriyyah

15. Manakah antara berikut ciri-ciri seorang khalifah

- i Pengetahuan yang luas.
- ii Memiliki harta kekayaan.
- iii Menguasai teknik-teknik berkomunikasi
- iv Memiliki keadaan fizikal yang sihat dan sempurna.

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

16.

<ul style="list-style-type: none">• Mentaati Allah s.w.t.• Menjaga kesihatan rohani dan jasmani• Mengamalkan akhlak mulia

Pernyataan di atas adalah merujuk kepada tanggungjawab manusia terhadap

- A Keluarga
- B Diri sendiri
- C Masyarakat
- D Makhluk lain

- 17 Berikut merupakan langkah untuk mengatasi masalah pengangguran **kecuali**
- A Memberi kursus kemahiran
 - B Menyediakan peluang pekerjaan
 - C Memberi kesedaran tentang keburukan hidup tanpa pekerjaan
 - D Memberi pinjaman wang kepada penganggur sebanyak mungkin
- 18 Apakah kesan pengabaian sistem muamalah Islam terhadap individu?
- i Melahirkan individu yang kaya
 - ii Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri
 - iii Melahirkan individu yang tamak haloba
 - iv Melahirkan golongan miskin yang terbiar
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv
- 19 Berikut merupakan perlakuan jenayah menurut Islam
- i Tidak menunaikan solat zohor ketika musafir
 - ii Tidak berpuasa pada bulan Ramadan
 - iii Memakai baju pelbagai fesyen
 - iv Mengumpat
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv
- 20 Al-Quran
Al-Hadis
Al-Ijmak
Al-Qias
- Perkara di atas berkaitan dengan
- A Sumber penyelesaian masalah
 - B Langkah penyelesaian masalah
 - C Matlamat penyelesaian masalah
 - D Kemampuan Islam menyelesaikan masalah

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga 24

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan cadangan jawapan dibawah.

Alamiyyah	Fardu Ain	Jibril	Syumuliyah	Dhaif
-----------	-----------	--------	------------	-------

- 21 Hadis _____ ialah sebuah hadis yang perawinya terputus hubungan dengan Rasulullah SAW
- 22 Salah satu prinsip _____ ialah Islam adalah agama yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahatan dan dorongan hawa nafsu manusia.
- 23 Pengertian _____ ialah Islam bersifat sawarjagat yang sesuai kepada semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman
- 24 Penurunan al-Quran kepada Rasulullah SAW secara beransur-ansur melalui malaikat _____

Soalan 25 hingga 27


Tuliskan istilah yang betul di dalam ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Fasakh	Rujuk	Talak	Khuluk
--------	-------	-------	--------

- 25 Penceraian yang berlaku atas kemahuan isteri dengan membayar gantirugi kepada suami.
- 26 Penceraian menurut keputusan kadi disebabkan tidak memenuhi syarat semasa akad nikah.
- 27 Pembubaran ikatan perkahwinan menggunakan lafaz talak atau yang seumpama dengannya.

Soalan 28 hingga 29

Carta dibawah merujuk kepada matlamat perundangan Islam




Nyatakan matlamat perundangan Islam bagi M dan N

28 M : _____

29 N : _____

Soalan 30 hingga 31

Carta dibawah menjelaskan tentang golongan yang tidak layak menguruskan harta dalam Islam



Berdasarkan carta diatas

30 . O ialah _____

31. P ialah _____

Soalan 32 hingga 33 berdasarkan kotak di bawah

Q	R
As-Sidq	Al-Kizb
Al-Fatanah	Al-Baladah

Jadual diatas adalah berkaitan dengan sifat-sifat rasul

32. Q dalam jadual diatas ialah _____

33. R dalam jadual diatas ialah _____

Soalan 34 hingga 35

Jadual dibawah adalah berkaitan dengan jenis muamalah Islam

Tulis jenis muamalah tersebut berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan dibawah

Al-Rahnu	Al-Takaful	Al-Ijarah	Al-Murabahah
----------	------------	-----------	--------------

Jenis muamalah	Persamaan	perbezaan
S	Salah satu cara menolong orang memerlukan barangan	Kontrak sewaan sesuatu barangan milik orang lain dengan dikenakan sedikit bayaran
T		Pinjaman wang dengan menyerahkan sesuatu barangan yang berharga sebagai cagaran

34. S dalam jadual diatas ialah : _____

35. T dalam jadual di atas ialah : _____

Soalan 36 hingga 38

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (U) dan (V) dalam ruangan yang disediakan.

U	Tanggungjawab Hakim
---	------------------------

V	Kelayakan Hakim
---	-----------------

	Pernyataan	Jawapan
36.	Beriman dan bertaqwa kepada Allah s.w.t.	
37.	Waras fikiran dan sentiasa tenang.	
38.	Membebaskan tertuduh jika ada keraguan.	

Soalan 39 hingga 40

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.

Tandakan (×) pada pernyataan yang SALAH.

39 Antara matlamat disunatkan bersedekah adalah untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik

40 Ibadat dalam Islam boleh diubahsuai mengikut kehendak dan kesesuaian manusia sendiri.

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN B

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

1 A B C D

2 A B C D

3 A B C D

4 A B C D

5 A B C D

6 A B C D

7 A B C D

8 A B C D

9 A B C D

10 A B C D

11 A B C D

12 A B C D

13 A B C D

14 A B C D

15 A B C D

16 A B C D

17 A B C D

18 A B C D

19 A B C D

20 A B C D

BAHAGIAN A